

KHAWARIJ: IDEOLOGI YANG TIDAK PADAM

Oleh :

Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizdi

Pegawai Tadbir Agama,

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Lenggong.

Definisi dan Sejarah Khawarij

Perkataan al-Khawarij (الخَوَارِج) adalah merupakan kata nama yang berasal daripada kata perbuatan atau فَعْلٌ iaitu dari kalimah خَرَجَ yang bererti keluar. Berasaskan kalimah خَرَجَ ini maka lahirlah isim fa'il iaitu خَارِجٌ yang bererti orang yang keluar.¹ Dari sudut istilah, ulama telah memberikan beberapa pengertian. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh Abu al-Hasan al-Asy'ariyy (m. 324H) iaitu:²

أَجْمَعَتِ الْخَوَارِجُ عَلَى إِكْفَارِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ — رَضَوْنَ اللَّهَ عَلَيْهِ

"Khawarij merupakan kumpulan yang mengkafirkan Saidina 'Ali bin Abu Talib."

Manakala al-Imam al-Syahrastaniyy (m. 548H) pula menyatakan:³

كُلٌّ مِنْ خَرَجَ عَلَى الْإِمَامِ الْحَقِّ الَّذِي اتَّفَقَتِ الْجَمَاعَةُ عَلَيْهِ يُسَمَّى خَارِجِيًّا، سَوَاءٌ أَكَانَ الْخُرُوجُ فِي أَيَّامِ الصَّحَابَةِ عَلَى الْأَئِمَّةِ الرَّاشِدِينَ أَوْ كَانَ بَعْدَهُمْ عَلَى التَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ، وَالْأَئِمَّةُ فِي كُلِّ زَمَانٍ.

"Seseorang yang tidak mentaati pemimpin setelah dipersetujui (pelantikan) ke atasnya. Maka, ia dinamakan sebagai orang yang ingkar sama ada keingkaran tersebut (berlaku) ketika zaman sahabat (semasa pemerintahan al-Khulafa' al-Rasyidin) atau ketika zaman tabi'in selepas itu. Bahkan, termasuklah juga zaman para pemimpin pada setiap masa."

Al-Imam Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy (m. 852H) telah memberikan dua pengertian Khawarij iaitu:⁴

¹ Ibn. Manzur, Muhammad bin Mukarram bin 'Aliyy. t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif. Jld. 2. m.s. 1125. Lihat 'Umar, Ahmad Mukhtar. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alim al-Kutub. m.s. 627.

² Al-Asy'ariyy, 'Aliyy bin Isma'il. 1950. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah. m.s. 156.

³ Al-Syahrastaniyy, Muhammad bin 'Abd al-Karim. 1992. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. m.s. 105.

⁴ Al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy bin Hajar. 2013. *Huda al-Sariyy li Muqaddimah Fath al-Bariyy*. Damsyiq: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah. m.s. 490. Lihat al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy bin Hajar. 2001. *Fath al-Bariyy bi Syarh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd. Jil. 12. m.s. 296.

والخوارج: الذين أنكروا على علي التحكيم، وتبرؤوا منه ومن عثمان وذويه وقتلوه، فإن أطلقوا تكفيرهم فهم الغلاة منهم.

“Khawarij ialah kumpulan yang mengingkari Saidina ‘Ali berhubung penerimaan Majlis Tahkim dan mereka berlepas diri dengannya termasuklah al-Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan serta keturunannya dan yang bertanggungjawab memerangi mereka. Jika mereka menzahirkan pendirian mereka (takfir ke atas pihak yang tidak sehaluan dengan mereka) maka ia dikenali sebagai golongan pelampau.”

أما الخوارج فهم جمع خارجة أي طائفة، وهم قوم مبتدعون سمو بذلك لخروجهم عن الدين وخروجهم على خيار المسلمين.

“Adapun Khawarij merupakan golongan yang melakukan perkara-perkara bid‘ah dan mereka dinamakan demikian kerana mereka terkeluar dari agama Islam. Bahkan terkeluar dari golongan kaum Muslimin”.

Al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah (m. 1394H) memberikan definisi Khawarij iaitu:⁵

وهم الذين حملوا عليا رضي الله عنه على قبوله التحكيم ابتداء، وبعد أن قبله ونفذ التحكيم، وانتهى إلى ما انتهى إليه من أنه كان خداعا من الفئة الباغية – ثاروا على الإمام علي رضي الله عنه لأنه أخطأ وكفر، كما أخطئوا وكفروا بالتحكيم...

“Pada permulaannya, mereka menyokong Sayidina Ali r.a. kerana menerima cadangan tahkim itu. Namun, setelah terlaksana akan Majlis Tahkim tersebut maka mereka tidak lagi menyokong Sayidina Ali kerana beranggapan bahawa ia satu bentuk penipuan lalu mereka melancarkan pemberontakan terhadap Khalifah Ali dengan menkafirkannya dan menuduhnya bersalah seperti mana mereka juga turut tersilap dan dikafirkan juga (kerana menerima Tahkim)...”

Berdasarkan definisi di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa golongan Khawarij adalah merupakan golongan yang tidak sehaluan dengan Saidina Ali berhubung isu Tahkim. Malah, mereka mengingkari serta mengkafirkannya. Oleh itu, adalah tidak mustahil apabila ideologi sebegini wujud dalam setiap masa dan keadaan.

Bibit-bibit mengenai ideologi Khawarij ini telah pun kelihatan sejak zaman Rasulullah SAW. Hal ini dibuktikan menerusi seorang yang bernama Dzul Khuwaysirah dari kalangan Bani Tamim yang meminta agar Rasulullah SAW berlaku adil dalam pembahagian harta *ghanimah* selepas peperangan Hunayn.⁶

⁵ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Muhadharat fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. t.p.: Matba‘ah al-Madaniyy. m.s. 57.

⁶ Al-Dawsuri, Sa’d bin ‘Abd Allah. t.t. *Dzu al-Khuwaysirah Salaf al-Khawarij Dirasah ‘Aqdiyyah. Majallah al-Dirasat al-‘Arabiyyah*. m.s. 1933.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقْسِمُ قِسْمًا أَتَاهُ ذُو الْخُوَيْصِرَةِ وَهُوَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي تَمِيمٍ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ اعْدِلْ، فَقَالَ : (وَيْلَكَ! وَمَنْ يَعْدِلُ إِذَا لَمْ أَعْدِلْ؟! قَدْ خَبْتُ وَخَسِرْتُ إِنْ لَمْ أَكُنْ أَعْدِلُ)، فَقَالَ عُمَرُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ائْذَنْ لِي فِيهِ فَأَضْرِبْ عَنْقَهُ، فَقَالَ : (دَعُهُ فَإِنَّ لَهُ أَصْحَابًا يَحْقِرُ أَحَدُكُمْ صَلَاتَهُ مَعَ صَلَاتِهِمْ وَصِيَامَهُ مَعَ صِيَامِهِمْ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ تَرَاقِيَهُمْ يَمْزُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْزُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، ...

Daripada Abu Sa'id al-Khudriyy r.a. katanya: Ketika kami bersama dengan Rasulullah SAW yang pada ketika itu Baginda sedang mengagihkan pembahagian harta ghanimah maka datanglah lelaki dari kaum Bani Tamim iaitu Dzul Khuwaysirah lalu berkata: Wahai Rasulullah, berlaku adil! Sabda Baginda: Celakalah kamu! Siapa lagi yang akan berlaku adil kalau bukan saya? Engkau juga akan mendapat keburukan dan kerugian jika saya tidak berlaku adil. Maka berkata 'Umar: Wahai Rasulullah, izinkan saya untuk memenggal lehernya. Jawab Baginda: Biarkan dia, sesungguhnya dia akan mempunyai pengikut yang memandang rendah solat kamu berbanding dengan solat mereka. Begitu juga ia memandang rendah terhadap puasamu berbanding puasa mereka sedangkan mereka membaca al-Quran tetapi hanya terbatas di tekak mereka. Mereka keluar dari agama sepertimana keluarnya anak panah dari busur...."

Riwayat al-Bukhari (3610)

Rasulullah SAW juga telah mengisytarkan kemunculan golongan Khawarij ini menerusi hadis yang berikut:

حَدَّثَنَا يُسَيْرُ بْنُ عَمْرِو قَالَ: قُلْتُ لِسَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ: هَلْ سَمِعْتَ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ فِي الْخَوَارِجِ شَيْئًا؟ قَالَ: سَمِعْتُهُ يَقُولُ — وَأَهْوَى يَدِهِ قَبْلَ الْعِرَاقِ: يُخْرِجُ مِنْهُ قَوْمٌ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ تَرَاقِيَهُمْ، يَمْزُقُونَ مِنَ الْإِسْلَامِ مُرْوَقَ السَّهْمِ مِنَ الرَّمِيَّةِ.

"Telah menceritakan kepada kami Yusayr bin 'Amru katanya: Saya telah bertanya kepada Sahl bin Hunayf: Adakah engkau telah mendengar Rasulullah SAW berkata sesuatu berkenaan Khawarij? Jawabnya: Saya telah mendengar Baginda bersabda - sambil beliau mengisytarkan tangannya ke arah negeri Iraq – Dari sanalah akan muncul sekelompok kaum yang membaca al-Quran namun tidak melebihi kerongkong mereka. Mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya".

Riwayat al-Bukhari (6934)

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy turut meriwayatkan sebuah hadis dari *al-Mu'jam al-Awsat* dengan sanad yang baik iaitu menerusi seorang penyair yang bernama al-Farazdaq bahawa beliau telah mendengar Abu Hurairah dan Abu Sa'id al-Khudriyy telah ditanya oleh seorang lelaki dari al-Masyriq (Iraq) mengenai satu kaum di

negerinya yang memerangi orang Islam kecuali dari kalangan mereka. Maka, berkata kedua-duanya:⁷

سمعنا النبي ﷺ يقول: من قتلهم فله أجر شهيد ومن قتلوه فله أجر شهيد.

“Kami telah mendengar Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang memerangi mereka, baginya pahala mati syahid dan sesiapa yang dibunuh oleh mereka maka baginya pahala mati syahid”.

Kebanyakan di kalangan golongan Khawarij ini adalah terdiri dari kelompok *al-Qurra'* iaitu golongan yang sentiasa melazimi al-Quran serta rajin beribadah. Walau bagaimanapun, kefahaman mereka terhadap Islam masih lemah serta cenderung mentafsirkan ayat al-Quran berdasarkan akal fikiran mereka sendiri.⁸ Pada zaman pemerintahan Khalifah 'Uthman bin 'Affan, mereka tidak berpuas hati kepada beliau yang dilihat berkecenderungan dalam melantik ahli keluarga serta kerabatnya dalam jawatan terpenting kerajaan.

Malah, mereka juga turut terlibat dalam pemberontakan yang menuntut agar Khalifah 'Uthman meletak jawatan sehinggalah beliau syahid di tangan mereka. Merekalah yang telah menyokong Saidina 'Ali sebagai khalifah yang baru.⁹ Apabila berlaku pertempuran antara Khalifah 'Ali dan Saidina Mu'awiyah dalam peperangan Siffin maka di saat-saat akhir pertempuran tersebut timbullah cadangan daripada Saidina 'Amru bin al-'As supaya kedua-dua belah pihak berdamai dan kembali kepada ajaran al-Quran.

Pasukan tentera Khalifah 'Ali telah mencadangkan kepada beliau supaya menerima cadangan tersebut. Maka, kedua-dua pihak telah berbincang menerusi wakil-wakil mereka iaitu Saidina 'Amru bin al-'As bagi pihak Saidina Mu'awiyah manakala Saidina Abu Musa al-Asy'ariyy bagi pihak Khalifah 'Ali bin Abu Talib.

Setelah selesai perbincangan menerusi Majlis Tahkim, maka sebahagian daripada anggota tentera Khalifah 'Ali tidak dapat menerimanya lalu memencilkan diri mereka dari pasukan tersebut.¹⁰ Mereka memilih penempatan di Harura¹¹ dengan jumlah seramai 12 000 orang.¹²

Saidina 'Abdullah bin 'Abbas telah bertemu dengan mereka untuk berdialog serta memberikan penjelasan yang tuntas mengenai semua persoalan yang dikemukakan oleh mereka. Akhirnya, seramai 2000 orang di kalangan mereka telah kembali

⁷ Al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy bin Hajar. t.t. *Fath al-Bariyy bi Syarh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhariyy*. t.p.: al-Maktabah al-Salafiyyah. Jil. 12. m.s. 302.

⁸ Hasan, Samiyy 'Ata. (2013). *Al-Khawarij wa Ta'wilatuhum al-Munharifah li Ayat al-Quran al-Karim wa Tafniduha. Al-Majallah al-Urduniyyah fi al-Dirasat al-Islamiyyah*. (4). 59 – 82.

⁹ 'Imarah, Muhammad. 2011. *Tayyarat al-Fikr al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Syaruq. m.s. 15.

¹⁰ Al-Syahrastaniyy, Muhammad bin 'Abd al-Karim. 1993. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. m.s. 133.

¹¹ Sebuah perkampungan yang terletak berhampiran dengan Kufah, Iraq.

¹² Al-Jawziyy, 'Abd al-Rahman. 2015. *Talbis Iblis*. Kaherah: Dar al-Minhaj. m.s. 135.

menerima kebenaran manakala baki yang lain kekal dengan pegangan masing-masing.¹³

Doktrin Khawarij

Golongan Khawarij mempunyai pandangan yang ekstrem dan keterlaluan khususnya terhadap golongan lain yang tidak sehaluan dengan mereka. Antara pandangan mereka seperti yang berikut:¹⁴

1. Menghukum kafir ke atas Saidina 'Ali bin Abu Talib kerana menerima tahkim sebagai proses perdamaian ketika berlaku peperangan Siffin iaitu melibatkan antara pasukan Saidina 'Ali dan Pasukan Saidina Mu'awiyah.
2. Menghukum kafir ke atas Saidina 'Uthman bin 'Affan terutama ketika tempoh enam tahun pemerintahannya yang terakhir sehingga kematian beliau.
3. Menghukum kafir ke atas para sahabat yang terlibat dalam peperangan Jamal serta dua orang sahabat yang menjadi wakil dalam peristiwa Tahkim iaitu Saidina Abu Musa al-Asy'ariyy dan Saidina 'Amru bin al-As.
4. Menghukum kafir ke atas mana-mana pihak yang sama ada bersetuju atau yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam peristiwa Tahkim.
5. Menghukum kafir ke atas pelaku dosa besar kecuali satu golongan dari Khawarij iaitu al-Najdat yang berpandangan sebaliknya.¹⁵
6. Mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan kefahaman dan pemikiran mereka serta menolak tafsiran lain yang selain daripada mereka.¹⁶
7. Menganggap bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat baharu.¹⁷
8. Allah tidak dapat dilihat di Akhirat.¹⁸
9. Pelaku maksiat yang beriman akan terus berkekalan di dalam neraka selamanya.¹⁹

¹³ Al-Salabiyy, 'Aliyy Muhammad. 2008. *Fikr al-Khawarij wa al-Syi'ah*. Kaherah: Dar Ibn Hazm. m.s. 22 – 23. Lihat al-Nasa'iy, Ahmad bin Syu'ayb. 1986. *Khasa'is Amir al-Mu'minin 'Aliyy ibn Abi Talib radhiallahu 'anhu*. Kuwait: Maktabah al-Islam. m.s. 195 – 200.

¹⁴ Lihat Al-Asy'ariyy, 'Aliyy bin Isma'il. 1950. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah. m.s. 156., al-Baghdadiyy, 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. 1995. *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. m.s. 73., al-Gharabiyy, 'Aliyy Mustafa. t.t. *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah wa Nasy'ah 'Ilm al-Kalam 'Inda al-Muslimin*. t.t.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad 'Aliyy Sabih wa Awladuh. m.s. 276., 'Imarah, Muhammad. 1997. *Tayyarat al-Fikr al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Syaruq. m.s. 18. Al-Butiyy, Muhammad Sa'id Ramadhan. t.t. *Al-Mazahib al-Tawhidiyyah wa al-Falsafat al-Mu'asirah*. t.t.: Dar al-Fikr. m.s. 59., Al-Syahrastaniyy, Muhammad bin 'Abd al-Karim. 1993. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. m.s. 135., Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 61.

¹⁵ Menurut golongan al-Najdat bahawa pelaku dosa besar hanyalah dianggap sebagai kufur nikmat dan bukanlah kufur agama. Lihat al-Baghdadiyy, 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. 1995. *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. m.s. 73.

¹⁶ 'Abd al-'Aziz, Amir. 1983. *Dirasat fi 'Ulum al-Qur'an*. 'Amman: Dar al-Furqan. m.s. 165.

¹⁷ Al-Baruniyy, Sulayman. t.t. *Mukhtasar Tarikh al-Ibadhiyyah*. t.t.:t.t. m.s. 65.

¹⁸ A'wasyt. Bakir ibn Sa'id. 1988. *Dirasat Islamiyyah fi al-Usul al-Ibadhiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahabah. m.s. 58.

¹⁹ *Op.cit.*

10. Pelaku dosa besar tidak akan mendapat syafaat di Akhirat.²⁰

Golongan Khawarij telah berpecah kepada beberapa kumpulan disebabkan terdapat perselisihan pandangan di kalangan mereka. Namun, sebahagian besarnya telah lenyap disebabkan kematian ketua dan tiada di kalangan pengikut mereka yang mengembangkan fahaman tersebut. Walau bagaimanapun, hanya terdapat satu kumpulan saja yang dipercayai masih wujud dan terdapat negara tertentu yang menjadikannya sebagai mazhab rasmi anutan penduduknya.

Kumpulan yang dimaksudkan ialah al-Ibadhiyah yang diketuai oleh 'Abdullah bin Ibadh. Beliau dikatakan sezaman dengan para sahabat serta pernah menyokong kepimpinan al-Khalifah Abdullah bin al-Zubayr. Namun, beliau meninggalkan al-Khalifah 'Abdullah bin al-Zubayr setelah tidak berpuas hati terhadap pendirian al-Khalifah 'Abdullah bin al-Zubayr mengenai al-Khalifah 'Uthman bin 'Affan.²¹

Kumpulan al-Ibadhiyah ini disifatkan lebih sederhana atau moderat dari sudut fahaman. Malah, kedapatan pandangan dari kumpulan ini dilihat lebih terbuka serta hampir kepada pandangan yang terdapat dalam Ahli Sunnah wal Jama'ah seperti:

1. Iman ialah membenarkan di dalam hati, diungkapkan pada lisan serta diamalkan menerusi anggota badan.²²
2. Iman boleh bertambah dan berkurang.²³
3. Boleh mengahwini golongan Ahli Sunnah wal Jamaah
4. Boleh mewarisi harta daripada keluarga Ahli Sunnah wal Jamaah
5. Negara yang berbeza fahaman dengan mereka di kalangan umat Islam dianggap sebagai negara Islam.²⁴

Namun, terdapat beberapa perbezaan pandangan dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah iaitu:

1. Umat Islam yang berbeza fahaman daripada mereka dianggap sebagai kufur nikmat.²⁵
2. Orang yang berdosa besar berkekalan azabnya di neraka.²⁶
3. Tidak sah wuduk dengan hanya menyapu khuf.
4. Batal solat sekiranya membaca doa qunut.

²⁰ *Ibid.* m.s. 66.

²¹ Al-Dimasyqiyy, Isma'il ibn 'Umar ibn Kathir. 1998. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. t.t.: Dar Hajr. Juz. 11. m.s. 667.

²² Iaitu تصديق بالقلب ونطق باللسان وعمل بالجوارح.

²³ Al-'Aql, Nasir ibn 'Abd al-Karim. 1998. *Al-Khawarij Awwal al-Firqah fi Tarikh al-Islam*. Riyadh: Dar Syibiliya. m.s. 79.

²⁴ Al-Gharabiyy, 'Aliyy Mustafa. t.t. *Tarikh al-Firqah al-Islamiyyah wa Nasy'ah 'Ilm al-Kalam 'Ind al-Muslimin*. t.t.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad 'Aliyy Sabih. m.s. 281.

²⁵ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 268.

²⁶ Imsnisf, Karim. 2022. *Taqrib wa Tahdhib Kitab: al-Khawarij fi al-'Asr al-Umawiyy Nasy'atuhum, Tarikhuhum, 'Aqa'iduhum, Adabuhum*. t.t.: karimeknes79. m.s. 44.

5. Mengharamkan pernikahan di antara penzina dengan wanita yang berzina dengannya.²⁷

Antara negara yang menerapkan fahaman Ibadiah sebagai mazhab rasmi ialah Oman, Zanzibar, pergunungan Nafusa dan Zuwarah di Libya, kepulauan Djerba di Tunisia dan Algeria.²⁸

Ideologi Semasa Yang Menyerupai Fahaman Khawarij

Dewasa kini, kedapatan kumpulan-kumpulan tertentu yang menggunakan perkataan Islam serta mempunyai penampilan Islamik lalu mendakwa sebagai pejuang Islam. Terdapat juga gerakan sulit yang berselindung di sebalik pertubuhan tertentu atau yang langsung tidak dikenali turut mempunyai motif yang serupa. Lazimnya, kumpulan seumpama ini lebih cenderung kepada tindakan yang boleh menimbulkan kegusaran terhadap orang lain seperti bertindak dengan menggunakan senjata, mudah melabelkan golongan lain yang tidak sehaluan dengan mereka serta bersifat keras dalam mempertahankan identiti dan fahaman mereka.

Hakikatnya, mereka telah membentuk fahaman tersendiri yang bersifat radikal dengan bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadis. Malah, terdapat juga yang menjadikan karya-karya yang dihasilkan oleh ketua mereka atau kitab-kitab yang dikarang oleh ulama tertentu sebagai rujukan dan pegangan mereka. Kebiasaannya, kumpulan ini sukar untuk membina hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling lalu mendakwa bahawa fahaman yang dianuti oleh orang awam telah tersasar jauh dari ajaran Islam yang sebenar.

Maka tidak hairanlah apabila didapati bahawa rata-rata yang menganggotai kumpulan seperti ini terdiri dari kalangan mereka yang kurang penghayatan terhadap ajaran Islam. Kebanyakan mereka mudah terpengaruh dengan slogan jihad dan ganjaran mati syahid. Malah, terdapat juga segelintir yang berlatar belakang pendidikan agama namun terpengaruh dengan aliran tertentu yang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis secara literal.

Apabila mereka mendakwa sebagai pejuang Islam maka tidaklah bermakna yang mereka akan memerangi musuh umat Islam. Bahkan, umat Islam pula yang dipersalahkan kerana tidak mengikuti perjuangan mereka serta layak diperangi. Maka, kerajaan menerusi pasukan keselamatan seperti PDRM telah mengenal pasti kumpulan-kumpulan yang berfahaman sedemikian kerana boleh mengancam keselamatan negara.

Sehingga kini, dianggarkan 20 kumpulan radikal yang dikenal pasti telah bertapak di negara ini sejak merdeka. Kumpulan ini merangkumi beberapa kategori seperti

²⁷ Sadiq, Hasan. 2004. *Juzur al-Fitnah fi al-Firaq al-Islamiyyah Munz 'Ahd al-Rasul Hatta Igthiyal al-Sadat*. Kaherah: Maktabah Madbuliyy. m.s. 199 – 200.

²⁸ Ma'mar, 'Aliyy Yahya. 2009. *Al-Ibadhiyyah Mazhab Islamiyy Mu'tadil*. t.t.:t.t. m.s. 12 – 15.

pelampau agama, politik dan ajaran sesat. Terdapat di kalangan ahli yang telah dikesan dan dikenakan tindakan termasuk yang sedang menjalani program pemulihan.²⁹

Terdapat di kalangan kumpulan berkenaan yang mempunyai jaringan dengan pertubuhan pengganas di peringkat antarabangsa seperti al-Qaeda, *Islamic State of Iraq and the Levant* atau ISIL dan Boko Haram.³⁰ Walau bagaimanapun, terdapat juga di kalangan kumpulan tempatan yang tidak terlibat dengan rangkaian pertubuhan pengganas di peringkat antarabangsa mahupun gerakan dari luar negara. Perjuangan mereka lebih memfokuskan usaha ekstrem mereka secara khusus di dalam negara sahaja.³¹

Jika dilihat sepintas lalu didapati bahawa kumpulan ini mempunyai motif untuk mendirikan “Negara Islam” yang menyebabkan berlakunya tindakan di luar batas.³² Malah, terdapat juga kefahaman di kalangan ahli kumpulan yang jelas bercanggah dengan prinsip Islam seperti mengingkari kewajipan solat, tidak beriman kepada al-Quran serta mendakwa terdapat tokoh tambah terhadapnya dan beranggapan bahawa masjid adalah tokong orang Melayu.³³

Pendekatan keras dalam penghayatan agama mahupun tindakan telah mewujudkan suasana yang mengancam kehidupan bermasyarakat. Maka, tidak hairanlah apabila didapati terdapat persamaan antara kumpulan pengganas yang sedia ada dengan Khawarij. Secara asasnya, isu politik yang tidak berkesudahan telah menjadi faktor timbulnya kesan dalam pendekatan beragama serta pemikiran yang sempit lalu menghasilkan tindakan yang ekstremis.

Konflik yang bermula dari pertikaian terhadap Majlis Tahkim oleh sebahagian daripada pengikut Khalifah ‘Ali bin Abu Talib lalu ia berlarutan kepada penentangan terhadap Khalifah ‘Ali sendiri. Kelompok inilah yang menerapkan kefahaman Islam berdasarkan akal fikiran mereka semata-mata. Hal ini telah dinyatakan oleh Ibnu ‘Abbas ketika berdialog dengan kelompok Khawarij menerusi kata-katanya:

فهم أعلم بتأويله منكم، وليس فيكم منهم أحد

“Mereka (golongan sahabat) lebih mengetahui perihal ta’wil al-Quran berbanding dengan kamu. Sedangkan tiada seorang pun di kalangan kamu yang seumpama mereka”.

²⁹ <https://wartaoriental.com/2024/05/19/20-kumpulan-radikal-masih-bertapak-di-malaysia/> Diakses pada 8 Jun 2024.

³⁰ Aboo Talib@Khalid, Kartini, Abd. Gapar, Muhammad Helmy & Ismail, Ahmad Munawar. 2019. *“Ekstremisme: Maksud dan Konteks Keganasan.”* Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies. Vol. 46 (2).

³¹ Yusuf, Hanif Yusabra. t.t. *Gerakan Ekstremis di Malaysia*. t.t.:t.p. m.s. 7.

³² Yusuf, Hanif Yusabra. t.t. *ibid.* m.s. 8 – 11.

³³ Yusuf, Hanif Yusabra. t.t. *ibid.* m.s. 9.

Kesimpulan

Ideologi Khawarij merupakan satu bentuk pemikiran yang akan berkembang pada setiap masa dan keadaan. Apatah lagi dengan pendekatan yang digunakan sering kali bermatlamatkan syurga menerusi jalan berjihad seperti yang mereka fahami. Walhal ia adalah jauh dari jalan hikmah malah menyasarkan ancaman kepada yang tidak sehaluan dengan mereka. Oleh itu, unsur-unsur kekerasan sama ada melalui pendekatan mahupun tindakan sebenarnya sudah mencerminkan imej Khawarij umpama matlamat menghalalkan cara.

Umat Islam sewajarnya mempertingkatkan kefahaman terhadap ajaran Islam serta mengenal pasti bentuk-bentuk pembawaan yang menyeleweng menerusi kaedah pengajian yang sebenar seperti yang terdapat di institusi pengajian tinggi mahupun di masjid dan surau. Malah, pembelajaran di media sosial juga perlu diteliti dan disaring agar tidak terkesan dengan bentuk-bentuk penyelewengan secara halus yang bersandarkan al-Quran dan al-Sunah. Manakala pihak yang berautoriti menerusi pihak berkuasa agama dan keselamatan akan terus memantau kumpulan-kumpulan yang telah dikenal pasti agar kemuliaan ajaran Islam terus terpelihara serta keharmonian hidup bermasyarakat kekal terjamin.

Rujukan

- ‘Abd al-‘Aziz, Amir. 1983. *Dirasat fi ‘Ulum al-Qur’an*. ‘Amman: Dar al-Furqan.
- ‘Imarah, Muhammad. 2011. *Tayyarat al-Fikr al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Syaruq.
- ‘Umar, Ahmad Mukhtar. 2008. *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah*. Kaherah: ‘Alim al-Kutub.
- A‘wasyt. Bakir ibn Sa‘id. 1988. *Dirasat Islamiyyah fi al-Usul al-Ibadhiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahabah.
- Aboo Talib@Khalid, Kartini, Abd. Gapar, Muhammad Helmy & Ismail, Ahmad Munawar. 2019. “*Ekstremisme: Maksud dan Konteks Keganasan*.” Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies. Vol. 46 (2).
- Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Muhadharat fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. t.p.: Matba‘ah al-Madaniyy.
- Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-‘Aqa‘id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Al-‘Aql, Nasir ibn ‘Abd al-Karim. 1998. *Al-Khawarij Awwal al-Firqah fi Tarikh al-Islam*. Riyadh: Dar Syibiliya.
- Al-‘Asqalaniyy, Ahmad bin ‘Aliyy bin Hajar. 2013. *Huda al-Sariyy li Muqaddimah Fath al-Bariyy*. Damsyiq: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Al-‘Asqalaniyy, Ahmad bin ‘Aliyy bin Hajar. t.t. *Fath al-Bariyy bi Syarh Sahih al-Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhariyy*. t.p.: al-Maktabah al-Salafiyyah. Jil. 12.
- Al-Asy‘ariyy, ‘Aliyy bin Isma‘il. 1950. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- Al-Baghdadiyy, ‘Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. 1995. *Al-Farq Bayn al-Firqah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Baruniyy, Sulayman. t.t. *Mukhtasar Tarikh al-Ibadhiyyah*. t.t.:t.t.
- Al-Butiyy, Muhammad Sa‘id Ramadhan. t.t. *Al-Mazahib al-Tawhidiyyah wa al-Falsafat al-Mu‘asirah*. t.t.: Dar al-Fikr.
- Al-Dawsuri, Sa‘d bin ‘Abd Allah. t.t. Dzu al-Khuwaysirah Salaf al-Khawarij Dirasah ‘Aqdiyyah. *Majallah al-Dirasat al-‘Arabiyyah*.
- Al-Dimasyqiyy, Isma‘il ibn ‘Umar ibn Kathir. 1998. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. t.t.: Dar Hajr. Juz. 11.
- Al-Gharabiyy, ‘Aliyy Mustafa. t.t. *Tarikh al-Firqah al-Islamiyyah wa Nasy‘ah ‘Ilm al-Kalam ‘Inda al-Muslimin*. t.t.: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad ‘Aliyy Sabih wa Awladuh.
- Al-Jawziyy, ‘Abd al-Rahman. 2015. *Talbis Iblis*. Kaherah: Dar al-Minhaj.
- Al-Nasa‘iyy, Ahmad bin Syu‘ayb. 1986. *Khasa‘is Amir al-Mu‘minin ‘Aliyy ibn Abi Talib radhiallahu ‘anhu*. Kuweit: Maktabah al-Islam.
- Al-Salabiyy, ‘Aliyy Muhammad. 2008. *Fikr al-Khawarij wa al-Syi‘ah*. Kaherah: Dar Ibn Hazm.
- Al-Syahrastaniyy, Muhammad bin ‘Abd al-Karim. 1993. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

Hasan, Samiyy 'Ata. (2013). *Al-Khawarij wa Ta'wilatuhum al-Munharifah li Ayat al-Quran al-Karim wa Tafniduha. Al-Majallah al-Urduniyyah fi al-Dirasat al-Islamiyyah*. (4).

<https://wartaoriental.com/2024/05/19/20-kumpulan-radikal-masih-bertapak-di-malaysia/>

Ibn. Manzur, Muhammad bin Mukarram bin 'Aliyy. t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif. Jld. 2.

Imsnisf, Karim. 2022. *Taqrib wa Tahdhib Kitab: al-Khawarij fi al-'Asr al-Umawiyy Nasy'atuhum, Tarikhuhum, 'Aqa'iduhum, Adabuhum*. t.t.: karimeknes79.

Ma'mar, 'Aliyy Yahya. 2009. *Al-Ibadhiyyah Mazhab Islamiyy Mu'tadil*. t.t.:t.t.

Sadiq, Hasan. 2004. *Juzur al-Fitnah fi al-Firq al-Islamiyyah Munz 'Ahd al-Rasul Hatta Ightiyyal al-Sadat*. Kaherah: Maktabah Madbuliyy.

Yusuf, Hanif Yusabra. t.t. *Gerakan Ekstremis di Malaysia*. t.t.:t.p.